



*Perutusan*  
**Y.B. MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**



**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan dan rahmat-Nya, Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat (MPMPZ) terbitan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dapat dijayakan.

Syabas diucapkan kepada JAWHAR kerana berjaya menerbitkan MPMPZ ini sebagai wadah ilmu yang pastinya bermanfaat khususnya sebagai rujukan dan panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam penyediaan Rang Undang-Undang Zakat di negeri masing-masing.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa komited meneruskan kelangsungan malah meningkatkan usaha memartabatkan syiar dan pengurusan hal ehwal Islam bagi menobatkan Islam sebagai agama rasmi negara ini. Penerbitan MPMPZ merupakan sebahagian lagi usaha Kerajaan khususnya JAWHAR dalam memperkuuh dan memperkasakan tadbir urus terbaik zakat selari dengan hasrat menjulang keunggulan Islam.

Saya amat mengharapkan agar penerbitan MPMPZ ini dapat membantu menyeragamkan perundangan berkaitan zakat yang diguna pakai oleh MAIN di seluruh negara dan seterusnya meningkatkan kecekapan serta kecemerlangan pengurusan zakat khususnya dan pengurusan hal ehwal Islam amnya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat terutamanya JAKIM, Jabatan Peguam Negara, MAIN, Syarikat-Syarikat Mengurus Zakat (SMZ) dan pakar-pakar rujuk yang telah menyumbang buah fikiran dalam usaha memperkasa dan mempermudahkan sistem Perundangan Zakat di seluruh negara. Jasa tuan-tuan amat besar dan pastinya Allah S.W.T. menyediakan pahala yang juga besar sebagai ganjarannya.

Sekian, terima kasih.

**Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL (B) DATO' JAMIL KHIR HJ. BAHAROM**  
**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**



*Sekapur Sirih*  
**KETUA SETIAUSAHA NEGARA**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terlebih dahulu saya melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berjaya menerbitkan Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat (MPMPZ). Ini merupakan sebahagian daripada siri manual pengurusan yang menfokuskan kepada aspek tadbir urus terbaik agensi-agensi pengurusan hal-ehwal agama Islam di negara ini.

Sebagai agensi yang menjaga kepentingan wakaf, zakat, mal dan haji di peringkat Persekutuan, penerbitan Manual ini adalah usaha proaktif JAWHAR dalam menangani permasalahan semasa umat Islam. Ia bukan sahaja boleh menjadi sumber rujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri, malah juga menyediakan informasi berguna kepada masyarakat umum untuk memahami aspek perundangan berkaitan zakat, mahupun mendalami bidang perundangan zakat.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada JAWHAR atas usaha murni ini dan semoga ia mendapat ganjaran dan keredhaan Allah S.W.T. jua, Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.



**TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN**  
**Ketua Setiausaha Negara**



*Seulas Pinang*  
**KETUA PENGARAH  
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN  
HAJI (JAWHAR)**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan taufik dan inayah-Nya, sebuah lagi Manual Pengurusan dapat diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Semoga Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat (MPMPZ) ini dapat dijadikan panduan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam menggubal mahupun memperkemaskan perundangan zakat di negeri masing-masing dan seterusnya meningkatkan tadbir urus terbaik pengurusan zakat di seluruh negara.

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang lima. Dalam konteks ekonomi, zakat menjadi wasilat penting umat Islam dalam usaha membasi kekeringan ummah dan di masa yang sama dapat menangani masalah sosio-ekonomi yang lain.

Hingga kini, peranan zakat masih belum berjaya diaplikasi secara tuntas ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup umat Islam. Justeru itu, harta zakat perlu diuruskan dengan sempurna supaya dapat memberi manfaat kepada umat sejagat. Bagi merealisasikan kesempurnaan tersebut, salah satu elemen yang perlu dititikberatkan adalah aspek perundangan zakat.


Ianya harus diselaraskan dalam kalangan MAIN supaya pengurusannya lebih sistematis, integriti, akauntabiliti dan telus demi meningkatkan keyakinan masyarakat.

JAWHAR antara lain berperanan merancang, menyelaras dan membangunkan tadbir urus terbaik pengurusan zakat. Justeru itu, JAWHAR mengambil inisiatif proaktif menerbitkan MPMPZ ini bagi membantu meningkatkan lagi tahap penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan dalam pengurusan zakat seiring dengan kemajuan negara-negara Islam lain di persada antarabangsa.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak khususnya kepada pegawai-pegawai JAKIM, Jabatan Peguam Negara, MAIN dan pakar-pakar rujuk yang telah menyumbangkan idea dan tenaga sehingga MPMPZ ini dapat diterbitkan.

Semoga MPMPZ ini dapat diterima oleh semua MAIN untuk diguna pakai bagi tujuan penyelarasan demi kebaikan bersama. Akhir kalam, sebarang pandangan yang membina amatlah dialu-alukan demi penambahbaikan perundangan zakat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

  
**DATO' DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**  
Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji  
(JAWHAR)

# Penghargaan



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan sumbangan idea dan tenaga dalam menyusun dan menyiapkan Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat (MPMPZ) ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan terutama kepada Bahagian Undang-Undang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Peguam Negara (JPN) yang telah menyediakan draf awal Akta Zakat dan Fitrah Wilayah Persekutuan yang menjadi asas kepada pembentukan model perundangan zakat ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Pusat Zakat Negeri-Negeri yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan model perundangan ini.

Akhirnya ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua warga kerja JAWHAR yang telah membantu merealisasikan penerbitan MPMPZ ini untuk panduan dan rujukan kita semua.

## Firman Allah S.W.T. mafhumnya:

*“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar”.*

*(Surah Al-Bayyinah: Ayat 5)*



*Kandungan*



<b>PERUTUSAN Y.B. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</b>	
<b>SEKAPUR SIRIH KETUA SETIAUSAHA NEGARA</b>	
<b>SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JAWHAR</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	1
<b>PENGENALAN</b>	3
<b>MODEL PERUNDANGAN ZAKAT</b>	
<b>(RANG UNDANG-UNDANG CADANGAN SUSUNAN SEKSYEN)</b>	7-62
<b>PENUTUP</b>	63

